

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KOLAM RENANG  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1981**

**P.U.(A) 276/81**

**SENARAI PINDAAN :**

<b>BIL.</b>	<b>NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)</b>	<b>TARIKH DIWARTAKAN</b>	<b>CATITAN</b>
<b>1</b>			
<b>2</b>			
<b>3</b>			
<b>4</b>			
<b>5</b>			
<b>6</b>			
<b>7</b>			
<b>8</b>			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 25  
No. 19

17hb September 1981

TAMBAHAN No. 59  
PERUNDANGAN (A)

**P.U. (A) 276.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM-RENANG  
(WILAYAH PERSEKUTUAN) 1981**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

Undang-  
undang  
Kecil

1. Nama.
2. Tafsiran.
3. Kebenaran masuk dengan tiket sahaja.
4. Kanak-kanak.
5. Orang yang tidak mandi tidak dibenarkan masuk.
6. Tempat menunggu bagi orang-orang yang berhajat untuk mandi.
7. Jadual waktu.
8. Pakaian mandi mestilah dipakai.
9. Larangan berludah.
10. Orang-orang berpenyakit dilarang masuk.
11. (a) Membasuh kaki.  
(b) Memakai cermin mata selam dilarang.

Undang-undang  
Kecil

12. Berlari, bertolak-tolak dll. dilarang.
13. Mengotorkan air, bilik mandi tidak dibenarkan.
14. Mengganggu dan menghalang tidak dibenarkan.
15. Bilik tukar pakaian dll. tidak boleh digunakan oleh orang dari jantina yang berlainan.
16. Mengguna dan menjaga bilik mandi dll.
17. Minuman beralkohol tidak dibenarkan.
18. Bahasa kesat tidak dibenarkan.
19. Binatang tidak dibenarkan.
20. Kerugian atau kerosakan kepada harta orang-orang yang mandi.
21. Menutup Kolam.
22. Menutup Kolam bagi kegunaan eksklusif.
23. Mematuhi perintah-perintah.
24. (a) Kuasa-kuasa pegawai-pegawai penjaga untuk mengatur renang.  
(b) Tiada bayaran balik atau tarikh masuk sebagai ganti.
25. (1) Penyingkiran daripada Kolam.  
(2) Bayaran masuk tidak boleh dibayar balik.
26. Penalti.
27. Pemansuhan.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KOLAM-RENANG (WILAYAH  
PERSEKUTUAN) 1981

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1981, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Menteri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut: Aktu 171.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang kecil Kolam-Renang (Wilayah Persekutuan) 1981** dan hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan. Nama.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Bandaraya Kuala Lumpur;

“Kolam” ertinya mana-mana kolam-renang yang dibina dan disenggara oleh Datuk Bandar dan apa-apa kepungan, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik atau apa-apa bahagian daripadanya, dan mana-mana premis, tanah, bangunan atau binaan yang menjadi sebahagian daripadanya atau bersangkutan dengannya;

“Penguasa” ertinya pegawai yang dilantik oleh Datuk Bandar bagi maksud mengurus dan mengawal Kolam itu atau mana-mana pegawai yang pada masa itu diberikuasa oleh Penguasa untuk menjalankan kuasa mengurus dan mengawal Kolam itu bagi pihaknya.

3. Tiada seseorang boleh dibenarkan masuk ke Kolam kecuali dengan tiket; tiap-tiap orang yang mengunjungi Kolam itu pada bila-bila masa semasa orang ramai dibenarkan masuk hendaklah, sebelum dibenarkan masuk, mendapatkan suatu tiket daripada orang yang diberikuasa oleh Datuk Bandar yang di atasnya hendaklah dinyatakan harga kebenaran masuk, dan hendaklah memberikannya kepada orang yang diberikuasa untuk menerimanya sebelum memasuki bilik tukar pakaian. Kebeneran masuk dengan tiket sahaja.

4. Tiada kanak-kanak boleh dibenarkan masuk ke Kolam melainkan ditemani oleh seorang yang boleh bertanggungjawab dan menjalankan kawalan ke atas kanak-kanak itu, jika kanak-kanak itu berumur tidak lebih daripada enam tahun atau jika, pada pendapat Pegawai Penjaga pada masa itu bahawa kanak-kanak itu hendaklah ditemani. Kanak-kanak.

5. Kecuali dalam hal orang-orang yang mememani kanak-kanak kecil yang mandi, seseorang yang tidak berhajat untuk mandi, tidak boleh dibenarkan masuk atau berada dalam Kolam itu. Orang yang tidak mandi tidak dibenarkan masuk.

6. Tiada seseorang boleh, selepas menggunakan Kolam itu, berada di mana-mana bahagian daripadanya tanpa alasan yang berpatutan. Tempat menunggu bagi orang-orang yang berhajat untuk mandi.

- Jadual waktu. 7. Suatu jadual waktu yang menunjukkan jangkamasa yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa hendaklah diletakkan di Kolam itu untuk orang-orang yang mandi daripada kategori-kategori yang berlainan yang menggunakan Kolam itu. Loceng akan dibunyikan lima belas minit sebelum tamat tiap-tiap satu jangkamasa dan sesudah itu semua orang-orang yang mandi hendaklah meninggalkan Kolam. Selepas itu, semua orang-orang yang mandi hendaklah meninggalkan Kolam itu pada atau sebelum tamat jangkamasa itu. Tiada seseorang pun boleh dibenarkan masuk ke kepungan itu dalam masa setengah jam sebelum sesuatu jangkamasa itu tamat.
- Pakaian mandi mestilah dipakai. 8. Orang-orang lelaki dan kanak-kanak lelaki hendaklah memakai pakaian mandi atau seluar mandi; wanita dan kanak-kanak perempuan hendaklah memakai pakaian mandi. Pakaian mandi atau seluar mandi hendaklah dikenakan atau dipakai dengan sempurna dan tidak boleh dibuat daripada bahan yang akan mengubah warna air itu atau yang jarang.
- Larangan berludah. 9. Semua orang-orang yang mengunjungi Kolam hendaklah menahan diri daripada berludah.
- Orang-orang berpenyakit dilarang masuk. 10. Tiada seseorang boleh menggunakan Kolam itu jika ia berada dalam keadaan berpenyakit atau jika ia mengidapi atau disyaki mengidapi penyakit kulit, penyakit berjangkit atau menular.
- Membasuh kaki. 11. (a) Semua orang-orang yang mandi hendaklah mandi air pancur dan membasuh kaki sebelum masuk Kolam.
- Memakai Cermin mata selain dilarang. (b) Semua orang-orang yang mandi adalah dilarang daripada memakai cermin mata selain.
- Berlari, bertolak-tolak dll. dilarang. 12. Semua orang hendaklah menahan diri daripada berlari, bertolak-tolak atau membuat sesuka hati dengan riuh yang boleh menyebabkan cedera kepada diri mereka sendiri atau kepada orang lain.
- Mengotorkan air, bilik mandi tidak dibenarkan. 13. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam itu boleh pada bila-bila masa menggunakan apa-apa sabun atau apa-apa bahan atau persediaan yang kerananya air di dalam Kolam itu menjadi keruh atau tidak sesuai untuk digunakan oleh orang-orang yang mandi dengan sewajarnya, atau selainnya dengan sengaja mengotor atau mencemar Kolam itu, atau mencampakkan ke dalamnya apa-apa tuala, pakaian mandi atau apa-apa barang lain, atau dengan sengaja dan tidak senonoh menyebabkan berpasir atau mengotor-kan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik, atau apa-apa perabot atau barang di dalamnya. Tiada seseorang yang berkunjung ke Kolam itu boleh pada bila-bila masa membawa masuk ke Kolam itu (selain daripada bahagian yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa) apa-apa makanan atau minuman atau apa-apa kotak, bungkusan, kontena, tin, botol, kaca atau lain-lain barang yang boleh menyebabkan cedera pada diri mereka sendiri atau kepada orang lain.

14. Tiada seseorang boleh pada bila-bila masa memasuki atau cuba memasuki mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak, atau bilik yang diduduki oleh orang lain tanpa persetujuan atau selainnya dengan diketahuinya mengganggu atau campur tangan akan privasi pengguna-pengguna mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik, atau dengan apa-apa bunyi bisung, kelakuan yang tidak senonoh atau yang takberpatutan, mengganggu atau menghalang mana-mana orang lain menggunakan Kolam itu atau mana-mana bahagian daripadanya dengan sewajarnya.
- Mengganggu dan menghalang tidak dibenarkan.
15. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam itu boleh memasuki atau menggunakan mana-mana bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik yang dikhaskan untuk kegunaan seseorang dari jantina yang berlainan, dengan syarat bahawa undang-undang kecil ini tidak akan dipakai mengenai seseorang kanak-kanak di bawah umur enam tahun yang ditemani oleh seorang wanita dewasa yang memasuki bilik yang dikhaskan untuk wanita.
- Bilik tukar pakaian dll. tidak boleh digunakan oleh orang dari jantina yang berlainan.
16. Semua orang yang mengunjungi Kolam itu hendaklah setiap masa menjalankan jagaan yang berpatutan apabila menggunakan mana-mana bilik mandi, bilik tukar pakaian, tandas, kotak atau bilik atau apa-apa alat atau harta yang ada di dalamnya, dan tidak boleh dengan lalai atau cuai memecah, membencana atau dengan tidak sepatutnya mengganggu pergerakan yang sempurna dan efisien apa-apa loji atau jentera yang digunakan bersangkutan dengannya atau apa-apa bahagian daripadanya.
- Mengguna dan menjaga bilik mandi dll.
17. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam itu boleh memasukkan ke dalam premis itu apa-apa minuman spirit atau yang memabukkan atau (kecuali jika sakit atau mendapat kemalangan) minum apa-apa minuman yang memabukkan di dalamnya, atau memasuki atau berada dalam Kolam itu dalam keadaan mabuk.
- Minuman beralkohol tidak dibenarkan.
18. Tiada seseorang yang mengunjungi Kolam itu boleh pada bila-bila masa semasa berada di premis itu menggunakan apa-apa bahasa yang lalai atau kesat atau berkelakuan tidak sopan atau menggusar atau menghalang atau mengganggu mana-mana pegawai atau penjawat yang diambilkerja oleh Datuk Bandar dalam melaksanakan kewajibannya dengan wajar.
- Bahasa kesat tidak dibenarkan.
19. Binatang tidak dibenarkan berada dalam Kolam.
- Binatang tidak dibenarkan.
20. Datuk Bandar tidak sekali-kali bertanggung ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan terhadap apa-apa barang yang berharga atau apa-apa barang lain sama ada hilang atau rosak kerana perbuatan lalai, engkar atau jenayah mana-mana penjawat Datuk Bandar atau selainnya.
- Kerugian atau kerosakan kepada harta orang-orang yang mandi.
21. Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa menutup Kolam itu tanpa notis.
- Menutup Kolam.
22. Datuk Bandar boleh pada bila-bila masa menutup Kolam itu buat sementara waktu kepada orang-ramai atau mana-mana bahagian orang ramai dan/atau memberi kegunaan eksklusif pada sesuatu sekolah, kelab, kesatuan atau pertubuhan untuk pertandingan sama ada dengan percuma atau dengan bayaran dan membuat atau membenarkan dibuat bayaran untuk masuk kepada atau menggunakannya apabila ianya ditutup kepada orang ramai.
- Menutup Kolam bagi kegunaan eksklusif.

- Mematuhi perintah-perintah. 23. Perintah-perintah Pengawas mestilah setiap masa dipatuhi dengan segera oleh semua orang yang mengunjungi Kolam itu.
- Kuasa-kuasa pegawai-pegawai penjaga untuk mengatur renang. 24. Penguasa boleh pada bila-bila masa—  
 (a) (i) menahan orang-orang yang sedang berenang dan memerintahkan orang-orang yang mandi itu keluar dari dalam air jika, pada pendapatnya, keadaan air itu adalah tidak memuaskan; dan  
 (ii) menutup Kolam itu dan/atau menahan orang-orang yang berenang dan memerintahkan orang-orang yang mandi itu keluar dari dalam air jika sekiranya lampu limpah dan/atau lampu biasa, loji dan perkakas Kolam itu rosak, atau ketika darurat yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada keselamatan orang-orang yang mandi atau Kolam itu penuh sesak.  
 (b) mengenai penahanan renang atau penutupan Kolam itu di bawah seksyen kecil (a) (i) di atas, tiada bayaran balik atau tarikh masuk sebagai ganti tidak boleh ditawarkan melainkan Datuk Bandar memutuskan selainnya atas budibicaranya yang mutlak, dan keputusan Datuk Bandar adalah muktamad.
- Tiada bayaran balik atau tarikh masuk sebagai ganti. 25. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini bagi mengawal dan menyenggara Kolam itu boleh disingkirkan dari Kolam itu oleh Penguasa atau oleh mana-mana pegawai polis.  
 (2) Mengenai penyingkiran dari Kolam di bawah seksyen kecil (1) di atas, bayaran masuk tidak boleh dibayarbalik dan orang itu boleh ditolak daripada masuk kemudiannya.  
 (3) Sebagai tambahan, tanpa menyentuh seksyen kecil (1) seseorang yang melanggar mana-mana undang-undang kecil ini boleh didakwa.
- Penyingkiran daripada Kolam. 26. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya denda dan penjara dan mengenai kesalahan yang berterusan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
- Bayaran masuk tidak boleh dibayarbalik. 27. Undang-undang Kecil Perbandaran Kuala Lumpur (Kolam Mandi Ibu Kota Kuala Lumpur) 1964 adalah dengan ini dimansuhkan.
- Penalti. 27. Undang-undang Kecil Perbandaran Kuala Lumpur (Kolam Mandi Ibu Kota Kuala Lumpur) 1964 adalah dengan ini dimansuhkan.
- Pemansuhan. P.U. 55/64.

Diperbuat pada 13 haribulan Jun 1981.  
 [P.J. U. 2/21/78; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/9.]

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,  
*Datuk Bandar Bandaraya,  
 Kuala Lumpur*

Disahkan pada 16 haribulan Jun 1981.

DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
SWIMMING POOL (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1981

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

By-law

1. Citation.
2. Interpretation.
3. Admission by tickets only.
4. Children.
5. No admission to non-bathers.
6. Waiting place for intending bathers.
7. Time table.
8. Costumes must be worn.
9. Spitting prohibition.
10. Diseased persons excluded.
11. (a) Foot bath.  
(b) Under water goggles prohibited.
12. Running and pushing etc. prohibited.
13. Fouling of water bathrooms disallowed.
14. Interruptions and disturbances not allowed.
15. Dressing room etc. not to be used by person of the opposite sex.
16. Use and care of bathrooms, etc.
17. Alcoholic drink disallowed.
18. Offensive language disallowed.
19. Animals disallowed.
20. Loss or damage to bather's property.
21. Closing of Pool.
22. Closing of Pool for exclusive use.
23. Obedience to orders.
24. (a) Powers of officers in charge to regulate swimming.  
(b) No refund of admission fee or alternative admission date.
25. (1) Removal from the Pool.  
(2) No refund of admission fee.
26. Penalty.
27. Repeal.



## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## SWIMMING POOL (FEDERAL TERRITORY) BY-LAWS 1981

- Act 171.* IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976, the Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes, and pursuant to section 103 of the said Act the Minister confirms, the following by-laws:
- Citation.* 1. These by-laws may be cited as the **Swimming Pool (Federal Territory) By-laws 1981** and shall apply only to the Federal Territory.
- Interpretation.* 2. In these by laws unless the context otherwise requires—  
 “Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur;  
 “Pool” means any swimming pool constructed and maintained by the Commissioner and any enclosure, dressing room, closet, box or compartment or any part thereof, and any premises, land, building or structure forming part thereof or appurtenant thereto;  
 “Superintendent” means the officer appointed by the Commissioner for the purpose of management and control of the Pool or any officer for the time being authorised by the Superintendent to exercise the power of management and control of the Pool on his behalf.
- Admission by tickets only.* 3. No person shall be admitted to the Pool except by ticket; every person resorting to the Pool at any time during which the public are admitted shall, before being admitted, obtain from a person authorised by the Commissioner a ticket whereon shall be stated the price of admission, and shall hand it over to the person authorised to receive it before entering the changing rooms.
- Children.* 4. No child shall be admitted to the Pool unless accompanied by a person who is able to be responsible for and to exercise control over such child, if such child is not over six years of age or if, in the opinion of the Officers-in-Charge at the time, such child shall be so accompanied.
- No admission to non-bathers.* 5. Except in the case of persons accompanying small children bathers, no person, who does not intend to bathe, shall be admitted to or remain in the Pool.
- Waiting place for intending bathers.* 6. No person shall, after using the Pool, remain without reasonable excuse in any part thereof.
- Time table.* 7. A time table shall be posted at the Pool showing the periods prescribed from time to time by the Commissioner for the use of the Pool by different categories of bathers. A bell shall be rung a quarter of an hour before the end of each period and thereupon all bathers shall leave the water. All bathers shall leave the Pool on or before the end of the period. No person shall be admitted to the enclosure within half an hour before the end of a period.

8. Men and boys shall wear costumes or bathing trunks; women and girls shall wear costumes. Costumes or bathing trunks must be properly fastened or worn and shall not be made of material that may discolour the water or is transparent. Costumes must be worn.
9. All persons resorting to the Pool shall refrain from spitting. Spitting prohibition.
10. No person shall use the Pool while in a verminous condition or while suffering or suspected of suffering from any cutaneous, infectious or contagious disease. Diseased persons excluded.
11. (a) All bathers shall have a shower and use the foot baths before entering the Pool. Foot bath.
- (b) All bathers are prohibited from wearing underwater goggles. Underwater goggles prohibited.
12. All persons must refrain from running, pushing or indulging in boisterous play which may cause injury to themselves or to others. Running and pushing etc. prohibited.
13. No person resorting to the Pool shall at any time use any soap or any substance or preparation whereby the water in the Pool may be rendered turbid or unfit for the proper use of bathers, or otherwise wilfully foul or pollute the Pool, or throw into it any towel, bathing costume or any other articles, or wilfully and improperly soil or defile any bathroom, dressing room, closet, box or compartment, or any furniture or article therein. No person resorting to the Pool shall at any time take into the Pool (other than such part thereof as may be prescribed from time to time by the Commissioner) any food or refreshments or any boxes, packages, containers, tins, bottles, glasses or other articles which may cause injury to themselves or to others. Fouling of water, bath-rooms disallowed.
14. No person shall at any time enter or attempt to enter any dressing room, closet, box or compartment occupied by another person without the latter's consent, or otherwise knowingly intrude upon or interfere with the privacy of the occupant of any such dressing room, closet, box or compartment, or by any noisy, disorderly or improper conduct, disturb or interrupt any other person in the proper use of the Pool or any part thereof. Interruptions and disturbances not allowed.
15. No person resorting to the Pool shall enter or use any dressing room closet, box or compartment appointed for the use of a person of the opposite sex, provided that this by-law shall not apply in the case of any child under six years of age who is accompanied by an adult woman bather entering the dressing room designated for ladies. Dressing room etc. not to be used by person of the opposite sex.
16. All persons resorting to the Pool shall at all times exercise reasonable care in the use of any bathroom, dressing room, closet box or compartment or any apparatus or property therein, and shall not carelessly or negligently break, injure or improperly interfere with the due and efficient action of any plant or machinery used in connection therewith or any part thereof. Use and care of bath-rooms, etc.

- Alcoholic drink disallowed. 17. No person resorting to the Pool shall introduce into the premises any spiritous or intoxicating liquors or (except in the case of sickness or accident) drink any intoxicating liquor therein, or enter or remain in the Pool while in a state of intoxication.
- Offensive language disallowed. 18. No person resorting to the Pool shall at any time while on the premises use any indecent or offensive language, or behave in an indecent or offensive manner or obstruct or interfere with any officer or servant employed by the Commissioner in the proper execution of his duty.
- Animals disallowed. 19. No animals are allowed inside the Pool.
- Loss or damage to bather's property. 20. The Commissioner shall at no time be liable for any loss or damage to any article of value or any other article whether lost or damage through the negligence, default or criminal act of any servant of the Commissioner or otherwise.
- Closing of Pool. 21. The Commissioner may at any time close the Pool without notice.
- Closing of Pool for exclusive use. 22. The Commissioner may at any time close the Pool temporarily to the public or any section of the public and/or grant exclusive use to a school, club, association or organisation for contests, either gratuitously or for payment and make or authorise the making of charges for admission to or use thereof when so closed to the public.
- Obedience to orders. 23. The orders of the Superintendent shall be promptly obeyed at all times by all persons resorting to the Pool.
- Powers of officers in charge to regulate swimming. 24. The Superintendent may at any time—  
 (a) (i) suspend swimming and order all bathers out of the water if, in his opinion, the condition of the water is unsatisfactory; and  
 (ii) close the Pool and/or suspend swimming and order all bathers out of the water in the event of the breakdown of Pool flood-lights and/or general lighting, plant and equipment, or in any emergency which may arise detrimental to the safety of bathers or the Pool is overcrowded.  
 (b) in case of suspension of swimming or closing of the Pool under subsection (a) (i) and (a) (ii) above, no refund of admission fee shall be made nor an alternative admission date offered, unless the Commissioner shall otherwise in his absolute discretion decide, and the decision of the Commissioner shall be final.
- No refund of admission fee or alternative admission date. 25. (1) Any person who contravenes these by-laws for the control and management of the Pool may be removed therefrom by the Superintendent or by any police officer.
- Removal from the Pool. (2) In case of removal from the Pool under subsection (1) above, no refund of admission fee shall be made and such person may be refused admittance subsequently.
- No refund of admission fee

(3) Without prejudice to subsection (1) any person who contravenes this by-law shall in addition be liable to prosecution.

26. Any person who is guilty of an offence under these by-laws shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a period not exceeding one year or to both such fine and imprisonment and in the case of a continuing offence a sum not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction. **Penalty.**

27. The Kuala Lumpur Municipal (Kolam Mandi Ibu Kota Kuala Lumpur) By-laws, 1964 are hereby repealed. **Repeal.**  
*L.N. 55/64.*

Made the 13th June 1981.  
[P.J.U. 2/21/78; PN. (PU<sup>2</sup>) 328/9.]

TAN SRI YAACOB BIN ABDUL LATIFF,  
*The Commissioner of the City of  
Kuala Lumpur*

Confirmed the 16th June 1981.

DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,  
*Minister of Federal Territory*